

Isnin, Mac 12 2018



NAJIB TUN RAZAK menyampaikan amanat kepada mahasiswa semasa program Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI) dan Siswa di Seri Perdana, Putrajaya semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFOF

Malaysia akan kehilangan RM416.6 bilion jika GST, tol, duti eksais & PTPTN dimansuhkan

Pemansuhan GST

- » Kehilangan sebanyak **RM45 bilion**
- » Jika GST dimansuhkan dan digantikan SST, negara mampu memperoleh **RM18 bilion** sahaja

Pemansuhan tol

- » Kerajaan perlu tanggung **RM338 bilion**

Pemansuhan PTPTN

- » Kehilangan kutipan sebanyak **RM3.9 bilion** setiap tahun
- » Ketika ini, **hutang PTPTN menjangkau RM40.7 bilion** sementara pinjaman telah diberikan RM52 bilion kepada pelajar

Negara juga akan alami kekurangan hasil duti eksais sejumlah RM2.4 bilion

Jika GST dihapuskan, diganti dengan cukai jualan dan perkhidmatan – Najib

Malaysia negara defisit

Oleh **SOFIAN BAHAROM**
sofian.baharom@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 11 MAC

MALAYSIA akan menjadi sebuah negara defisit jika cukai barang dan perkhidmatan (GST) dihapuskan serta digantikan semula dengan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) seperti dihasratkan oleh Pakatan Harapan yang diketuai DAP melalui manifestonya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, menerusi GST, negara berjaya memungut hasil sebanyak RM45 bilion untuk digunakan oleh rakyat termasuk golongan penuntut universiti, nelayan serta pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).



Kalau pembangkang kata hendak menghapuskan GST untuk digantikan dengan SST, itu tipu."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

"Kalau pembangkang kata hendak menghapuskan GST untuk digantikan dengan SST, itu tipu. Kalau tidak dapat hasil RM45 bilion, negara akan menjadi negara defisit.

"Kita tahu bahawa hutang negara kian menguncup tetapi kalau hasil itu tiada, hutang negara akan meningkat dan menjadi seperti di Greece," katanya ketika berucap

pada Program Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) Bersama Siswa di Kompleks Seri Perdana, di sini hari ini.

Sebanyak 400 pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta menyertai program yang turut dihadiri Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Rosmah Mansor.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia adalah antara negara yang mempunyai kadar GST terendah di dunia iaitu pada kadar enam peratus dan sistem percukaian berkenaan juga telah diamalkan di 164 negara lain dengan terbaharu di India.

"Saya berjumpa Rahul Gandhi (Presiden Kongres India) dan beliau memberitahu GST dilaksanakan di sana dalam bentuk lima la-

pisan dengan tertinggi sebanyak 28 peratus," katanya.

Beliau berkata, sebagai golongan yang mempunyai tahap intelektual tinggi, para penuntut institusi pengajian tinggi perlu memainkan peranan untuk memberitahu rakyat bahawa GST adalah sistem percukaian terbaik kepada negara.

Katanya, kerajaan yang ditunggangi Barisan Nasional (BN) telah mempunyai perancangan besar untuk golongan muda di negara ini termasuk pelaksanaan projek-projek seperti Transit Aliran Massa (MRT), Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR) dan Lebuhraya Pan Borneo.

"Atas sebab itu, saya cakap kita hendak berjaya kita kena lihat global tetapi akar tetap berpaksi kepada budaya dan adat kita.

Itu sangat mustahak," katanya.

Beliau berkata, banyak lagi inisiatif yang akan dilaksanakan oleh kerajaan demi manfaat golongan muda di negara ini dan beliau telah bersetuju untuk mengadakan satu bab khusus untuk generasi muda pada manifesto kerajaan yang akan diumumkan kelak.